

# **KUTKM AKAN TUBUH ANAK SYARIKAT UNTUK MEMASARKAN HASIL PENYELIDIKAN**

**BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 02/08/2006 | Author: / NO DC LAT**

MELAKA, 2 Ogos (Bernama) -- Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) akan menubuhkan anak syarikat untuk mengkomersialkan hasil penyelidikannya, kata Rektor KUTKM Datuk Prof Ismail Hassan hari ini.

Katanya penubuhan KUTKM Holdings Sdn Bhd itu akan memudahkan hasil ciptaan dan pemindahan teknologi dikomersialkan secara profesional.

"Dua reka cipta KUTKM sedang dalam proses untuk dipatenkan sebelum ia dikomersialkan," katanya pada sidang akhbar mengenai majlis konvokesyen kedua KUTKM, Sabtu ini.

Beliau juga berkata kolej itu menubuhkan Pusat Pembuatan Termaju (AMC) bagi membolehkan aktitivi pembelajaran dan penyelidikan dijalankan serentak dalam persekitaran sebenar sesuatu bidang kepakaran.

"Menerusnya satu persekitaran kondusif diwujudkan untuk menjalankan penyelidikan menerusi kemudahan teknologi tinggi, hasil jalinan usaha sama antara AMC dan pihak industri dalam dan luar negara," katanya.

Ismail berkata KUTKM ketika ini menjalin hubungan industri termasuk dengan DRB-Hicom Bhd, Cubics Electronic Sdn Bhd, Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM) dan Dtex International Sdn Bhd.

Mengenai pembinaan kampus tetapi KUTKM di kawasan seluas 291 hektar di Durian Tunggal, Alor Gajah, beliau berkata ia kini 39 peratus siap.

Katanya pada masa kini dua fakulti telah berpindah ke kampus tetap iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer serta Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Kampus tetap itu dijangka siap pada 2008. KUTKM ditubuhkan pada 1 Dis 2000 dan merupakan institusi pengajian tinggi awam ke-14 di negara ini.

Sementara itu, seramai 730 graduan akan menerima ijazah dan 265 lagi diploma pada majlis konvokesyen Sabtu dan Ahad ini, di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh.

Majlis itu akan disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri Melaka yang juga Canselor KUTKM, Tun Mohd Khalil Yaakob.

-- BERNAMA

NO DC LAT